

**Penjagaan Kesihatan Malaysia Berkembang Kukuh Sedekad Lalu - Najib
Bernama
Jun 10, 2014**

KUALA LUMPUR, 10 Jun (Bernama) -- Industri penjagaan kesihatan Malaysia mencatat pertumbuhan kukuh sedekad lalu dipacu terutamanya oleh penggunaan produk dan perkhidmatan penjagaan kesihatan, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Dalam kiriman terbaru di akaun Facebooknya hari ini, Perdana Menteri berkata di bawah Program Transformasi Ekonomi kerajaan, pertumbuhan industri penjagaan kesihatan adalah satu Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang penting.

"Fokus kami menentukan bahawa rakyat mendapat penjagaan perubatan yang berkualiti dan yang termampu.

"Saya amat menggalakkan kolaborasi pembekal penjagaan kesihatan kerajaan dengan sektor swasta dalam menawarkan rangkaian produk dan perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang lebih komprehensif," ujar Najib.

Beliau berkata, hingga kini, 37 tuan punya projek dijangka mewujudkan 26,628 pekerjaan baharu dan menjana pendapatan RM6.66 bilion serta pelaburan baharu bernilai RM4.86 bilion.

Sejumlah 17 Projek Poin Masuk (EPP) dikenal pasti bagi membantu memenuhi matlamat NKEA penjagaan kesihatan, kata Najib.

"Daripada 37 projek, 12 telahpun siap dan selebihnya di pelbagai peringkat kemajuan, membawa kemajuan NKEA penjagaan kesihatan pada 14.7 peratus berbanding 181,000 pekerjaan, 18.9 peratus berbanding sasarannya 35.3 bilion GNI (pendapatan pertumbuhan kebangsaan) dan 28.2 peratus berbanding pelaburan 17.2 bilion menurut tarikh akhir 2020," kata beliau.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1045146>